


Sejarah panduan meniti pemodenan

Tamadun gemilang Sri Gangga Nagara pemangkin bentuk negara maju

BH-4/6/2007



Malaysiaku Gemilang

Oleh Zulkifli Mohamad

KITA sering melihat negara kita sebagai sebuah negara yang baru bertamadun, iaitu hanya bermula dari Kesultanan Melayu Melaka pada abad ke-15. Ramai ahli sejarah yang ratanya mengkaji sejarah dari perspektif kolonial, hanya melihat kepada tulisan serta naskhah penjarahan seperti Kanun Laut Melaka yang diterjemahkan oleh pihak penjajah sebagai bukti.

Kalaulah Semenanjung Tanah Melayu yang dikenali sebagai Semenanjung Emas ini sudah didiami masyarakat awal di Perak dan Kelantan lebih 34,000 tahun lalu, serta Gua Niah di Sarawak yang sudah diduduki sejak 40,000 dulu, tidak mustahil dikatakan yang kita sudah lama mempunyai sejarah.

Sri Gangga Nagara yang meliputi kawasan Beruas, Dinding dan Manjung di Perak, dikenali sebagai sebuah kerajaan Melayu pertama yang ada di Semenanjung ini sejak sebelum abad kedua lagi. Begitu pun, kegemilangannya runtuh sekitar tahun 1026 oleh serangan musuh dari Barat. Kerajaan Langkasuka yang berubah pu-

INTI PATI

- Islam sebagai agama rasmi membawa rakyat berbilang kaum dan agama membentuk satu bangsa Malaysia yang merdeka.
- Islam Hadhari membawa Malaysia moden ke satu tahap baru dalam dunia Islam antarabangsa sebagai pusat perbankan Islam dan Pusat Halal Sedunia.
- Dengan Pembangunan prasarana moden beserta keindahan seni bina meletakkan Putrajaya antara kota terindah dunia.
- Daripada sejarah kita bina tamadun moden untuk terus mara membawa negara ke pentas antarabangsa.

satnya dari Kedah ke Pattani juga terkenal sebagai kerajaan Melayu awal di Semenanjung Emas ini.

Tidak hairanlah kalau kerajaan ini menjadi rebutan, kerana sumber emas, kayu gaharu dan rempah ratus sudah menjadi terkenal di kalangan pedagang dan pelayar dari Parsi hingga ke China. Apa yang lebih berharga adalah sebuah tanah besar yang memisahkan tiupan angin dari barat dan timur, sekali gus menjadi tempat berunding untuk kapal yang berlayar dari timur

jauh dan utara kita.

Menjelang abad ketiga, Kepulauan Melayu Nusantara sudah tergabung dalam sebuah kesatuan kerajaan dipanggil Sri Wijaya, yang terkenal pusatnya di Palembang, Sumatera. Pengaruh Sri Wijaya tersebar luas hinggalah menjadikan Chaiya di Thailand sebagai pusat serantau paling utara serta persisiran laut Sumatera, Jawa, Bali, Borneo, Sulawesi, Sunda dan Semenanjung Tanah Melayu sebagai kawasannya.

Sri Wijaya terkenal kerana hubungan laut, perundangan maritim serta negara di bawahnya. Majapahit berpusat di Jawa Timur mengambil alih kuasa pada abad ke-13 hingga ke-14, menguasai kawasan di bawah jajahan Sri Wijaya, memindahkan pusat pemerintahannya dari kawasan pelabuhan ke kawasan tanah tinggi di Trowulan.

Tetapi, laut adalah segalanya dalam perdagangan dunia. Pelabuhan Melaka menjadi termasyhur pada abad ke-15 kerana persimpangan jalan laut timur dan baratnya, menjadikan Melaka sebuah kesultanan gemilang.

Pengaruh serta penguasaan wilayah dan perdagangan sering berubah-ubah mengikut kuasa politik dan perdagangan dunia, termasuk kuasa India dan China, sebelum pengaruh Islam dan Eropah menyelinap masuk ke Asia Tenggara pada abad ke-15. Kemasukan Islam ke kepulauan Melayu pula meraih kuasa baru dan memberi kegemilangan pada kesultannya, terutama apabila Parameswara memeluk Islam menjadi Sultan Iskandar Shah pada 1414.

Dunia Islam di Asia Barat dan China menjadi semakin beriya-iyanya dan meluaskan tebaran berita. Walaupun Kesultanan Melayu Melaka jatuh ke tangan Portugis pada

1511, pengaruh Islam tetap utuh, melahirkan kegemilangan pada Kesultanan Melayu Riau, Brunei dan Pattani.

Negara moden Asia Tenggara yang melalui zaman pemerintahan kolonial Eropah berkumpul selepas kemerdekaan, mencari suara baru dan bersetuju untuk menumpukan pakatan dalam ekonomi, politik, sosial dan budaya serta perdamaian. Maka, lahirlah Asean (Pertubuhan Negara-Negara Asia Tenggara) pada 1967. Asean yang kini sudah menjangkau 40 tahun, mempunyai 10 negara anggota, yang giat berusaha untuk mengadakan Zon Perdagangan Bebas (Afta).

Islam yang menjadi titik tolak kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka, kini menjadi agama rasmi rakyat Malaysia, di mana 61 peratus penduduknya menganut ajaran Islam. Rakyat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum, agama dan budaya ini membentuk satu bangsa majmuk yang merdeka, Bangsa Malaysia!

Islam Hadhari yang mengambil nilai kemodenan dalam kehidupan pula membawa Malaysia ke satu tahap baru dalam dunia Islam antarabangsa, terutama di kalangan negara anggota Pertubuhan Persidangan Islam (OIC). Malaysia bukan hanya menjadi pusat perbankan Islam serta pendidikan moden, malah mencetuskan peluang baru sebagai Pusat Halal Sedunia.

Pendek kata, sekali lagi bumi bertuah ini mengorak langkah ke arah suatu perjalanan mencari paksi titik pertemuan timur dan barat. Kini kita bukan hanya menjadi pusat pertemuan pengangkutan laut dunia di Pelabuhan Utara, Pelabuhan Barat dan Pelabuhan Tanjung Pelepas, kita sudah mengorak langkah jauh dengan kehadiran Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di Sepang, setanding lapangan terbang antarabangsa terkemuka di dunia.

Dengan kemudahan dan pembangunan prasarana yang ada di sekitar pembinaan kota baru Putrajaya antara rangkaian lebuh raya, sudah tentunya kota pemerintahan yang begitu gagah dengan bangunan Mahkamah Keadilan, bangunan Jabatan Perdana Menteri, Perbadanan Putrajaya, Masjid, Istana Melawati dan beberapa jambatan ini, bakal menempa nama sebagai antara kota terindah dunia.

Kita tidak lagi malu untuk meletakkan kota kita seperti kota indah lain di dunia. Sekali gus Putrajaya juga berkait rapat dengan Koridor Raya Multimedia (MSC) yang berpangkalan di Cyberjaya serta bandar raya perdagangan, Kuala Lumpur.

Kini, selepas 20 abad kita bertolak dari Sri Gangga Nagara, kita bukan hanya mempunyai 13 negeri serta tiga wilayah terkenal, Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, malah kita juga mempunyai sebuah mercu tanda yang dikenali dunia, Menara Berkembar Petronas yang masih bergelar antara bangunan tertinggi dunia.

Kita bukan hanya termaktub di dalam sejarah, malah sudah berani membina sejarah dan terus mara membawa warga negara untuk menjadi bangsa mulia.

(Penulis yang kini bertugas di Pusat Kebudayaan Universiti Malaya, pernah menjalankan penyelidikannya di kota warisan Asia Tenggara. Rencana disediakan Sekretariat Media, Sambutan Kemerdekaan Ke-50)



MODEN DAN INDAH: Keindahan seni bina meletakkan Putrajaya antara kota terindah yang menjadi tumpuan pelancong.